

TERMA DAN SYARAT
Kempen Tawaran Nilai untuk Kenderaan Elektrik

1. Kempen

- 1.1 “**Kempen Tawaran Nilai untuk Kenderaan Elektrik (EV)**” (“Kempen tersebut”) adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad (selepas ini dirujuk sebagai “**CIMB Bank**”) dan Berjaya Sompo Insurance Berhad (198001008821 (62605-U) (selepas ini dirujuk sebagai “**Penanggung Insurans**”))
- 1.2 Kempen tersebut akan bermula dari **1 Mei 2024 sehingga 31 Disember 2025**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”) atau tempoh seperti mana yang diputuskan pada budi bicara mutlak CIMB Bank dengan notis terdahulu yang tidak kurang dari tujuh (7) hari kalendar.

2 Kelayakan Kempen

- 2.1 Untuk layak menyertai Kempen tersebut, kriteria berikut mesti dipenuhi: -
 - 2.1.1 Individu atau entiti perniagaan yang memiliki EV dan berjaya membeli produk insurans Secure Motor (“Secure Motor”) yang ditaja jamin oleh Berjaya Sompo Insurance Berhad (Berjaya Sompo) melalui Pusat Pembiayaan Auto dan membayar premium semasa Tempoh Kempen untuk melayakkan mereka menyertai Kempen tersebut.(selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”).
 - 2.1.2 Kenderaan Elektrik (“EV”) merujuk kepada model kereta yang dikuasakan sepenuhnya oleh bateri.
secara kolektif dirujuk sebagai "Kriteria Kelayakan".

3 Mekanisme Kempen

- 3.1 Sila ambil perhatian bahawa untuk menyertai Kempen, kriteria berikut mesti dipenuhi:
 - 3.1.1 Perlindungan EV akan bermula serentak bersama tarikh permulaan polisi Secure Motor.
 - 3.1.2 Pelanggan yang Layak yang menikmati Tawaran Kenpem adalah tidak layak untuk menikmati promosi atau kempen lain (termasuk Kempen Staf CIMB) yang sedang berjalan secara serentak.
 - 3.1.3 Perlindung EV memperlukan perlindungan untuk pengecas dinding rumah EV jika berlaku insiden seperti kebakaran, kecurian, petir, letusan dan banjir, Liabiliti peribadi terhadap kemalangan semasa menggunakan pengecas kenderaan elektrik, Kemudahan tunda tanpa had ke stesen pengecasan EV yang terdekat sekiranya berlaku kegagalan teknikal atau bateri kenderaan berkurang/nyahaktif, Kemalangan Diri, hilang kegunaan disebabkan kenderaan berada di bengkel dan Liabiliti Undang-Undang oleh/kepada penumpang.

Pelindungan EV Sekilas Pandang

No	Manfaat	Penerangan	Jumlah Diinsuranskan
1.	Liabiliti Undang-undang bagi Penumpang	Perlindungan yang ditawarkan meliputi liabiliti undang – undang yang ditanggung oleh mana-mana penumpang	
2.	Liabiliti Undang-undang kepada Penumpang	Perlindungan yang ditawarkan kepada orang yang diinsuranskan terhadap liabiliti undang-undang kepada penumpang jika berlaku tuntutan.	
3.	Tunda Tanpa Had (Lanjutan untuk EV)	Meliputi servis tunda tanpa had untuk sebarang trip menunda sehala dari lokasi kemalangan atau kerosakan, kegagalan teknikal atau ketidakupayaan bateri kenderaan ke pilihan panel pembaikan BSIB, stesen pengecas terdekat atau tempat penyimpanan yang selamat.	
4.	Kemalangan Diri	Kematian & TPD disebabkan oleh kemalangan Elaun Perkabungan	RM100K RM1K
5.	Pelindungan Pengecas Dinding Rumah EV	Perlindungan kerugian atau kerosakan pada pengecas dinding rumah EV atau mana-mana bahagiannya akibat kebakaran, kecurian, petir, letusan, taufan, angin badai, gempa bumi, banjir, pesawat dan peralatan udara atau barang yang terjatuh, impak kerosakan dari kenderaan jalanan, tangki air, peralatan atau paip yang pecah dan melimpah.	RM15K (Potongan: RM200)
6.	Perlindungan Liabiliti Peribadi ketika menggunakan Pengecas Elektrik	Perlindungan kerosakan kepada harta pihak ketiga dan/atau kematian atau kecederaan tubuh badan disebabkan dari kemalangan berpunca dari perlindungan insurans yang sedang menggunakan pengecas elektrik. Tidak termasuk: Ahli keluarga terdekat, pekerja, harta kepunyaan orang yang diinsuranskan (Contoh: Seseorang tersandung dari kabel pengecas dan tercedera sewaktu EV yang diinsuranskan sedang dicaskan).	RM50K
7.	Manfaat Kehilangan Kegunaan sehingga 5 hari – Pembayaran balik untuk kos pengangkutan tambahan disebabkan kenderaan berada di bengkel	Pembayaran balik ke atas yuran pengangkutan tambahan yang ditanggung sehingga 5 hari /RM200 sehari apabila kenderaan anda sedang di baiki oleh bengkel yang diluluskan oleh BSIB. Terpakai hanya kepada tuntutan kerosakan sendiri sahaja. (untuk menyewa kereta atau mengambil pengangkutan alternatif)	RM200 sehari sehingga 5 hari

Nota:

- I. Pernyataan diatas adalah tidak menyeluruh. Penerangan perlindungan secara terperinci akan disediakan kepada pelanggan yang layak di dalam sijil di mana akan di hantar oleh Berjaya Sompo dalam masa 10 hari waktu bekerja selepas polisi Secure Motor di keluarkan.
- II. Sijil Endorsan untuk Perlindungan EV di kenali sebagai Pek Motor EV

3.2 CIMB Bank hanyalah pengedar Insurans Secure Motor yang diunderaitkan oleh Berjaya Sompo Insurance Berhad, Pendaftaran No: 198001008821 (62605-U), syarikat insurans yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“**Penanggung Insurans**”)

3.3 Insurans Secure Motor bukan produk CIMB Bank dan oleh itu:

- (a) bukan obligasi dan tidak dijamin oleh CIMB Bank dan/atau mana-mana subsidiari dan anak syarikatnya;
- (b) CIMB Bank tidak bertanggungjawab untuk atau berkewajipan dalam apa-apa hal atau tuntutan pun yang berbangkit dari Insurans Secure Motor yang dibekal oleh Penanggung Insurans; dan
- (c) Penanggung Insurans sebagai Penanggung Insurans dan pengunderait yang berlesen Insurans Secure Motor hendaklah menanggung kewajipan insurans sepenuhnya.

3.4 CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk permohonan Insurans Secure Motor yang lewat, hilang, tidak lengkap, diserahkan secara salah, tertangguh, tidak boleh dibaca, rosak atau salah hantar atau berkaitan surat-menyerat sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, perubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau lain-lain melainkan perkara yang sama timbul akibat dari dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB Bank.

3.5 Pelanggan yang Layak hendaklah menujukkan sebarang pertanyaan, maklum balas, urusan, isu atau aduan berkenaan penggunaan dan/atau pembelian dan/atau pelanggan Insurans Secure Motor kepada Berjaya Sompo Insurance Berhad, untuk resolusi.

3.6 Berjaya Sompo Insurance Berhad, sebagai Penanggung Insurans Secure Motor hendaklah menguruskan sebarang perkara berkaitan dengan Insurans Secure Motor.

4. Terma dan Syarat Am

4.1 Pelanggan yang Layak dengan penyertaan Kempen tersebut bersetuju, bahawa mereka:

- a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
- b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma dan Syarat ini;
- c) mengesahkan bahawa terma kontrak penting yang berkaitan dengan obligasi mereka telah diterangkan dengan secukupnya kepada mereka ;
- d) membenarkan CIMB Bank memproses dan mendedahkan maklumat peribadi mereka dan mana-mana maklumat peribadi individu yang mana Pelanggan yang Layak boleh berkongsi dengan CIMB Bank selaras dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
- e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat oleh CIMB Bank secara munasabah berkaitan dengan setiap aspek Kempen tersebut, adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
- f) bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan kepada Pelanggan yang Layak jika CIMB Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian obligasinya di Terma dan Syarat ini yang disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung oleh:
 - (i) kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam di luar kawalan CIMB Bank; atau
 - (v) apa-apa faktor di luar kawalan munasabah CIMB Bank.



CIMB Bank Berhad 197201001799

4.2 Pelanggan yang Layak akan dibatalkan dari menyertai Kempen jika, semasa Tempoh Kempen:

- a) Pelanggan yang Layak memungkiri terma dan syarat yang mengikat Insurans Secure Motor.
- b) Insurans Secure Motor ditamatkan atau ditutup atau dikenakan sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
- c) Insurans Secure Motor adalah ingkar, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan yang Layak atau CIMB Bank.

4.3 CIMB Bank mempunyai hak untuk menolak kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak yang ditentukan:

- a) mengganggu proses penyertaan; dan/atau
- b) bertindak melanggar Terma dan Syarat ini.

4.4 CIMB Bank mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan kempen dengan memberikan notis awalan tujuh (7) hari kalender terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui:

- (i) pengumuman di laman web CIMB Bank; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB Bank; dan/atau
- (iii) apa-apa cara notifikasi yang CIMB Bank memilih.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB Bank tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak untuk apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung dan/atau apa-apa pembatalan, penangguhan, pemendekan atau perlanjutan Kempen tersebut.

4.5 CIMB Bank tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan yang Layak atau pihak untuk sebarang kerugian, kos atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, gantirugi langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang disebabkan oleh:

- a) Penyertaan atau ketidak penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen tersebut; dan/atau
- b) Mana-mana ketidak penerimaan atau penerimaan Short Message Service ("SMS") yang tertangguh oleh Pelanggan yang Layak

melainkan kerugian atau kerosakan yang berbangkit dari dan adalah disebabkan oleh kecuaian melampau atau keingaran sengaja CIMB Bank.

4.6 a) CIMB Bank berhak untuk mengubah, menambah, mengeluarkan atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ("Pindaan") dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender kepada Pelanggan yang Layak melalui:

- (i) pengumuman di laman web CIMB Bank; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB Bank; dan/atau
- (iii) pengiklanan di suatu suratkhabar pilihan CIMB Bank; dan/atau
- (iv) apa-apa cara notifikasi yang CIMB Bank memilih

b) Pindaan tersebut hendaklah diambilkira sebagai mengikat pada Pelanggan yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB Bank dalam notifikasi tersebut.

c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka ianya akan berkuatkuasa selaras dengan undang-undang atau Peraturan tersebut dan CIMB Bank akan memaklumkan/memberi notis kepada Pelanggan yang Layak berkenaan perubahan ini dengan kadar segera.

- d) Pelanggan yang Layak bersetuju untuk melayari laman web CIMB Bank secara berkala untuk membaca terma dan syarat Kempen tersebut dan untuk memastikan mereka mendapat maklumat terkini dengan apa-apa perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
- 4.7 CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung Pindaan tersebut.
- 4.8 Pelanggan yang Layak hendaklah memberi indemniti sepenuhnya dan memastikan CIMB Bank diberi indemniti terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti, yang mana CIMB mungkin menanggung sebagai akibat daripada :
- a) penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen tersebut; dan/atau
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan hadiah berkenaan dan/atau.
 - c) kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi dengan Terma dan Syarat
- 4.9 Terma dan Syarat ini:
- a) hendaklah menggantikan sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung di mana-mana bahan yang mengiklankan Kempen tersebut; dan
 - b) adalah dibaca bersama dengan terma dan syarat sedia ada daripada produk dan/atau perkhidmatan CIMB Bank berkenaan dengan Kempen yang mana ianya terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
- 4.10 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan peraturan, arahan, dan garis panduan oleh Bank Negara Malaysia dan lain-lain badan kawal selia yang berkaitan di mana CIMB Bank adalah tertakluk kepadanya.
- 4.11 Jika CIMB Bank tidak melaksanakan haknya seperti yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini, ianya tidak akan menghalang CIMB Bank dari melaksanakan hak tersebut atau sebarang hak lain yang CIMB Bank ada pada masa hadapan.
- 4.12 Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.13 Laman web CIMB mungkin mempunyai pautan kepada laman web yang lain ("Pautan Pihak Ketiga"). CIMB Bank tiada sebarang kawalan ke atasnya, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan yang Layak klik kepada Pautan Pihak Ketiga, Pelanggan yang Layak faham yang mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko sendiri dan CIMB Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan yang Layak.



CIMB Bank Berhad 197201001799

- 4.14 a) Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank (“CRU”) untuk apa-apa maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan emel:

Alamat: CIMB Bank Berhad, Customer Relationship Unit (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No Telefon: 603 6204 7788

Email: contactus@cimb.com

- b) CIMB Bank boleh menukar butir hubungan di atas dengan memberi notis kepada Pelanggan yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB Bank atau melalui apa-apa cara notifikasi yang CIMB Bank memilih.